

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



“Selamat Pulang” kepada semua dari cuti Hari Raya dan saya berharap masing-masing akan lebih bersemangat apabila kembali ke tempat kerja masing-masing.

Antara berita penting yang dilaporkan oleh pihak media dua hari sebelum sambutan Hari Raya adalah pengumuman mengenai Skim Country Heights Grower (CHGS). Untuk makluman, skim ini merupakan skim pelaburan penanaman kelapa sawit pertama di Malaysia yang memberikan peluang kepada pelabur awam untuk melibatkan diri dalam industri kelapa sawit. Skim ini yang telah dilancarkan pada tahun 2007 sepatutnya berjalan selama 23 tahun di mana para pelabur akan berkongsi keuntungan hasil kelapa sawit dan juga sebahagian daripada asetnya

pada tarikh penamatan skim. Walaubagaimanapun skim tersebut telah ditamatkan sebelum tempoh matangnya selepas satu mesyuarat dengan para pelabur di mana persetujuan telah dicapai bahawa 10% yuran pelabur akan dibayar balik dalam tempoh 30 hari selepas mesyuarat dan baki 90% akan dibayar dalam tempoh 6 bulan selepas mesyuarat tersebut. Selain itu, Tan Sri Lee Kim Yew, pengasas CHGS, juga telah mengumumkan 12% dividen berjumlah RM25 juta akan dibayar sebagai pembayaran saguhati peribadi (goodwill) kepada pelabur terbabit.

Kami mengambil perhatian berdasarkan kenyataan media CHGS, bayaran ini telah dibuat kepada pemegang amanah skim iaitu CIMB Trustee untuk diagihkan kepada pelabur. Kami berharap pihak CIMB Trustee akan mempercepatkan proses pembayaran ini.

Untuk makluman, kami mendapati pindaan di bawah Rang Undang-Undang Skim Kepentingan telah mengambilkira beberapa aspek untuk mengukuhkan struktur kawalselia seperti mengadakan mesyuarat agung tahunan antara pelabur dan pihak pengurusan untuk melindungi para pelabur. Dalam aspek ini kami berharap satu klausa pembolehan akan dimasukkan di dalam Rang Undang-Undang Skim Kepentingan untuk membenarkan para pelabur atau pemegang amanah untuk mengubah pihak pengurusan, jika perlu.

Mengenai kedudukan ekonomi negara, baru-baru ini agensi penarafan Fitch Ratings telah menyemak semula jangkaan ekonomi Malaysia kepada ‘negatif’ berbanding ‘stabil’ dan melaporkan prospek perubahan belanjawan dan penggabungan fiskal untuk menangani kelemahan dalam kewangan umum telah morosot.

Walaubagaimanapun, agensi penarafan S&P dan Moody’s telah mengesahkan penarafan kredit Malaysia dengan prospek stabil.

S&P melaporkan penarafan tersebut adalah berdasarkan paras aset luaran bersih Malaysia kira-kira 8 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK), dan rizab rasmi yang merangkumi kira-kira enam bulan pembayaran akaun semasa dan sumbangan lebihan perdagangan, walaupun mencatatkan penurunan.

Penarafan oleh Moody's pula adalah berdasarkan penilaian prospek pertumbuhan yang agak sihat dan rizab pertukaran asing yang mencukupi sebagai penampan berbanding pendedahan kepada permintaan luaran yang lemah.

Untuk makluman pembaca, menurut Bank Negara, rizab antarabangsa berjumlah RM438.3 billion adalah memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertanggung dan 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Mengambil kira kenyataan di atas, para penggubal polisi perlu melihat sebarang penarafan negatif sebagai satu isyarat untuk memperbaiki sebarang kelemahan dalam kedudukan ekonomi makro negara. Kami mengambil perhatian bahawa polisi-polisi berkaitan akan diumumkan di dalam bajet Oktober 2013 ini untuk menangani isu-isu tersebut.

Salam,

Rita

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT & RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN

KOMEN MSWG:

Kami telah menyerahkan kepada SSM maklumbalas kami mengenai Rang Undang-Undang di atas pada 7 Ogos 2013, antaranya merangkumi perkara-perkara berikut:

Rang Undang-Undang Syarikat

- "Emolumen" pengarah perlu ditakrifkan dengan lebih jelas untuk merangkumi "Bayaran Pengarah (remuneration)" dan "Gratuiti". Selain itu, takrif untuk "Bayaran Pengarah (remuneration)" perlu dimasukkan di dalam pentafsiran;
- Paras pegangan saham sebanyak 10% bagi permohonan ke Mahkamah untuk perubahan hak saham bagi sebarang kelas tidak dibenarkan dan bagi permohonan untuk mengadakan mesyuarat pemegang saham patut diturunkan kepada 5%;
- Tempoh notis bagi semua mesyuarat (termasuk Mesyuarat Agung Luar Biasa) sekurang-kurangnya 21 hari atau lebih;
- Perlukah ada satu peruntukan khas untuk membuat tuntutan atau memudahkan tindakan kelas (class action) bagi perlindungan pemegang saham minoriti?
- Perlu ada klausa-klausa pembolehan bagi pengundian secara elektronik dan slot minoriti bagi pelantikan pengarah.

Rang Undang-Undang Skim Kepentingan

- Perlu memasukkan satu peruntukan untuk membenarkan peserta skim memohon salinan minit Mesyuarat Agung Tahunan.
 - Satu klausa pembolehan boleh diperkenalkan untuk membenarkan peserta skim mengubah pihak Pengurusan skim tersebut.
-

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

OSK HOLDINGS BERHAD (“OSK”)

Penasihat Bebas, Affin Investment Bank telah memberikan pandangan bahawa tawaran pengambilalihan adalah tidak adil dan tidak munasabah. Di dalam Pekeliling Penasihat Bebasnya, Affin Investment telah menasihati pemegang saham minoriti untuk menolak tawaran pada harga RM1.68 yang mewakili diskaun antara 10.64% hingga 21.86% kepada nilai aset bersih boleh direalisasi (RNAV) bagi setiap saham OSK.

Berdasarkan aset bersih sesaham belum teraudit pada 31 Mac 2013 sebanyak RM2.57, harga tawaran mewakili nisbah harga-nilai buku (“PBR”) tersirat sebanyak 0.65x dan ini adalah lebih rendah daripada PBR belum teraudit terendah syarikat-syarikat setara sebanyak 1x dan juga lebih rendah daripada purata PBR belum teraudit syarikat-syarikat setara sebanyak 1.5x. Berbanding dengan harga pasaran, harga tawaran memberikan premium hanya sebanyak 2.44% berbanding harga penutupan saham sebanyak RM1.64 pada 8 Julai 2013 sebelum pengumuman tawaran pengambilalihan dibuat.

Affin Investment juga menasihati bahawa pihak penawar tidak berhasrat untuk melakukan perubahan ketara kepada perniagaan Kumpulan OSK yang sediaada, dan dengan menerima tawaran tersebut, pemegang saham minoriti akan melepaskan peluang untuk sama-sama berkongsi prospek masa hadapan Kumpulan OSK yang positif.

KOMEN MSWG:

Berdasarkan maklumat di atas, pemegang saham minoriti perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap nasihat daripada Penasihat Bebas.

KULIM (MALAYSIA) BERHAD (“KULIM”)

Pada 20 Jun 2013 Kulim telah mengemukakan tawaran separa untuk membeli tambahan 20% saham New Britain Palm Oil Limited (“NBPOL”) pada harga tunai sebanyak 5.50 pound sesaham. Penasihat Bebas NBPOL telah menasihatkan pemegang saham untuk menolak tawaran tersebut memandangkan tawaran tersebut tidak adil atau munasabah. Selain itu, pengarah bebas NBPOL juga berpandangan aspek negatif melebihi sebarang kelebihan daripada tawaran tersebut, jadi telah mengesyorkan pemegang saham untuk menolak tawaran tersebut. Aspek-aspek positif dan negatif tawaran separa tersebut dinyatakan di bawah:-

Aspek positif tawaran:

- 1) premium kepada harga pasaran semasa;*
- 2) memberi pemegang saham NBPOL untuk merealisasikan pelaburan memandangkan saham NBPOL mengalami tahap dagangan yang agak rendah;*

dan

- 3) mungkin meningkatkan sentimen pasaran terhadap saham NBPOL.*

Aspek negatif tawaran:

- 1) *harga tawaran tidak mencerminkan nilai saham NBPOL yang sebenar secara ketara;*
- 2) *tawaran separa tersebut akan mengurangkan kecairan saham NBPOL;*
- 3) *dengan menerima tawaran separa tersebut pemegang saham akan kehilangan peluang untuk menikmati prospek pertumbuhan NBPOL;*
- 4) *dengan penerimaan tawaran tersebut, NBPOL mungkin tidak memenuhi syarat pengapungan bebas yang mungkin menyebabkannya dinyahsenarai daripada bursa saham;*
- 5) *jika NBPOL dinyahsenarai, Perjanjian Kerjasama dengan Kulim akan ditamatkan secara automatik dan pemegang saham minoriti tidak lagi mendapat sebarang faedah daripada Perjanjian Kerjasama tersebut; dan*
- 6) *kemungkinan berlaku perubahan dalam operasi NBPOL selepas tawaran separa tersebut.*

KOMEN MSWG:

Berdasarkan maklumat di atas, pemegang saham minoriti perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap nasihat daripada Penasihat Bebas.

MTD ACPI ENGINEERING BERHAD (“MTD ACPI”)

Pada 31 Julai 2013 MTD ACPI telah mengumumkan perbezaan keuntungan selepas cukai teraudit sebanyak RM21.4 juta (jurang perbezaan hampir 60%) daripada keputusan belum teraudit disebabkan oleh:-

- 1) *terkurang peruntukan bagi cukai kena dibayar dan liabiliti cukai tertunda sebanyak RM12 juta;*
- 2) *peruntukan tambahan bagi stok yang lambat bergerak dan hutang lapuk bernilai RM5 juta; dan*
- 3) *keuntungan terlebih iktiraf bagi Usahasama Buildcast-Persys bagi Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang bernilai RM6 juta.*

KOMEN MSWG:

Perbezaan ketara hampir 60% melahirkan kebimbangan pemegang saham minoriti. Perbezaan yang begitu besar memerlukan kajian dan analisa mendalam dan pada masa hadapan, pemegang saham minoriti perlu lebih berwaspada apabila mengkaji akaun belum teraudit Syarikat.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Muhammad ‘Ammar Maslan, Penganalisa, Pemantauan Korporat ammar@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat tersebut kecuali bagi Country Height Grower Scheme dan New Britain Palm Oil Limited.*
- *Ketua Pegawai Eksekutif MSWG memegang jumlah unit yang minima di dalam Country Heights Grower Scheme.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.